

Mahathir arah pihak penilaian atasi harga tanah makin tinggi

UM 3 Okt 1977

KUALA LUMPUR 2 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini telah mengarahkan pihak yang berhubung dengan penilaian harta tanah dari swasta dan kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi harga tanah yang semakin tinggi di negara ini.

“Nilai harga tanah dan rumah amatlah tinggi dan dia tidak se-

laras dengan kemampuan dan kehendak rakyat,” kata Perdana Menteri ketika memengerusikan mesyuarat kabinet di Jabatan Perdana Menteri pagi tadi.

Menteri Penerangan, Datuk Rais Yatim ketika bercakap kepada para pemberita hari ini memberitahu kabinet juga telah diberitahu bahawa satu langkah perlu diambil untuk mengawal trend harga

yang tinggi dan tugas tersebut adalah perlu dipertanggungjawabkan oleh pihak penilai swasta dan kerajaan.

Beliau yang bercakap bagi pihak kabinet menjelaskan kerajaan memandang berat tentang peningkatan nilai harga tanah yang dibuat oleh para penilai.

Tambah beliau, “kabinet diberitahu bahawa harga sebidang tanah di daerah Batang

Kali telah dinilai setinggi \$90,000 walhal ia hanya bernilai \$30,000 mengikut pasaran harga tanah.”

“Kerajaan mahu perkara ini disiasat untuk menjamin rakyat memiliki tanah,” katanya.

Tambahnya, mereka mestilah mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini dan kabinet akan menunggu susulan lanjut mengenainya.

Ketika ditanya ada-

kah tindakan berpiket oleh kakitangan kerajaan turut dibincangkan dalam mesyuarat hari ini, beliau menjawab kabinet tidak pula membuat sebarang ulasan mengenainya tetapi mendapat maklumat bahawa hanya 1.2 peratus sahaja kakitangannya yang mengambil bahagian.

Mengenai tuduhan bahawa tentera dan polis Malaysia terlibat dengan serangan di Pulau Maranas di selatan Filipina, Datuk Rais memberitahu perkara tersebut tidak dibincangkan langsung dalam agenda mesyuarat.

Tetapi beliau menjelaskan, kerajaan masih belum membuat sebarang keputusan mukamad mengenainya. Siasatan bagaimanapun sedang dijalankan.